Gerakan Islah Dalam Meningkatkan Minda Bangsa

Disiarkan pada Apr 23, 2010

*Satu sisipan untuk penilaian semua

Gerakan Islah merupakan gerakan yang berusaha mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan mereka terhadap Islam. Pendorong gerakan ini antaranya termasuklah Sheikh Tahir Jalaludin, Syed Syeikh al-Hadi dan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Golongan ini dikenali sebagai Kaum Muda. Akhbar dan majalah yang terkenal seperti al-Imam, Neracha, Idaran Zaman dan Pengasuh telah menjadi saluran Gerakan Islah ini.

Kaum Muda menyampaikan idea mereka dan menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia, termasuklah gesaan untuk memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu. Golongan ini juga berusaha menyematkan sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam. Mereka turut mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan penting dalam memajukan orang Melayu.

Gerakan Kaum Muda ini ditentang oleh Kaum Tua yang terdiri daripada golongan alim ulama. Golongan ini telah menguasai masyarakat dengan fahaman mereka bahawa Islam itu adalah tentang akhirat dan mereka juga menekankan fardu ain sahaja sehingga amat sukar untuk Kaum Muda mempengaruhi masyarakat Melayu. Gerakan Islah oleh Kaum Muda ini dapat bergerak dengan baik di Negeri-negeri Selat sahaja kerana beberapa undang-undang telah dikeluarkan oleh Negeri-negeri Melayu bagi menghalang pengaruh Kaum Muda. Undang-undang ini tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam dilakukan tanpa kebenaan Sultan. Undang-undang ini juga tidak membenarkan risalah dan buku Kaum Muda dibawa masuk ke negeri-negeri tersebut.

Gerakan Kaum Muda telah menubuhkan beberapa buah madrasah. Madrasah ini menjalankan sistem pendidikan Islam yang meliputi pendidikan untuk dunia dan akhirat seperti pendidikan fardu ain, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris. Madrasah ini juga memberikan peluang kepada pelajar perempuan untuk mendapatkan pendidikan. Ternyata tekanan British dan Kaum Tua tidak dapat menghalang sepenuhnya Gerakan Islah dalam masyarakat Melayu, terutamanya dalam bentuk pendidikan.

***Rujukan :** *Ramlah Adam, Shakila Parween Yacob, Abdul Hakim Samuri & Muslimin Fadzil (2003). Buku Teks Sejarah Tingkatan 5 m/s 49-50. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*

Kategori: Teks















Jeared Amay · Security at Monster Energy

Gerakan Islah oleh Kaum Muda ini dapat bergerak dengan baik di Negeri-negeri Selat sahaja kerana beberapa undang-undang telah dikeluarkan oleh Negeri-negeri Melayu bagi menghalang pengaruh Kaum Muda.

Reply · 1 · Like · July 13 at 6:56am



MizuWanie KazuNari · Ulu Kelang, Kuala Lumpur, Malaysia


ad cpe bleh bgthu sy x ap smbgan kaum muda trhadap tnah melayu...sy nk w t asgmet tjuk 2.

Reply · Like · March 12 at 12:57am

humaira_azzahra93 (signed in using yahoo)

teringat zaman sekolah....soalan gerakan islah selalu d tanya..
syukuran dr atas pkongsian...:)).

Reply · Like · August 12, 2012 at 1:03am



Mohd Syahrolrizal · Ipoh, Perak

Ustaz Abu Bakar Al-Baqir... Maahad Al Ehya As Syariff.

Reply · Like · May 6, 2012 at 12:31am



Zaqia Izzaty · Works at Tidur Lepak Dan Makan (TLDM)

yezzz..my exm answ er..

Reply · 1 · Like · February 13, 2012 at 5:45am

hikaru_shikamaru93 (signed in using yahoo)

ustaz boleh tak menerangkan mengenai ahlu sunnah w al jamaah?/.


Reply · Like · March 3, 2012 at 7:30am



Fakhruddin Fazil · Founder, CEO at Brillionw orks Sdn Bhd

hahhahaha..memang "sengal" kalu ada puak yang menentang Dr.Asri tuduh beliau tidak menghormati Sultan2 berdasarkan artikel nie...pdahal beliau rujuk buku teks sejarah tingkatan 5 je ponnn...hahhahaha...


Reply · 3 · Like · November 2, 2011 at 1:10am



Elyssa Arof · Teacher at Smk telok mas melaka · 119 subscribers

assalamualaikum

Reply · Like · March 20 at 11:56pm



Eiraa Nadiraa

stdy for exam :)

Reply · 3 · Like · September 8, 2011 at 9:41am



Ummi Izzaty Jaffar · Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

EXAM TIME.

PAUTAN PILIHAN

- ENGLISH SECTION
- HIMPUNAN FATWA DRMAZA
- GALERI PUISI DRMAZA
- MP3 KULIAH
- SIBER KULIAH

PENGUMUMAN



MUTIARA KATA

GALERI

- Album
- Buku
- Puisi Dr. MAZA
- Puisi Pilihan

KOMUNITI

- Al-Firqatu An-Naajiah
- Anti Ahbash
- Bank Ahbash
- Institut Al-Qayyim

LINK PILIHAN

- IslamToday

SISIPAN

- Arkib Artikel
- Artikel Pilihan
- Email Pilihan
- English Section
- Himpunan Fatwa
- Komentar, Tokoh dan Cendekiawan

KIRIMAN TERKINI

- Hendaklah Akal Mengukur Maklumat
- Islam Membentuk Minda Kritis

Reply · Like · September 8, 2011 at 10:26am

Facebook social plugin

Sabda Rasulullah SAW

"Sesiapa yang akhirat itu tujuan utamanya, maka Allah jadikan kekayaannya dalam jiwanya. Allah mudahkan segala urusannya dan dunia akan datang kepadanya dengan hina (iaitu dalam keadaan dirinya mulia).

Sesiapa yang menjadikan dunia itu tujuan utamanya, maka Allah akan letakkan kefakirannya antara kedua matanya. Allah cerai-beraikan urusannya, dan dunia pula tidak datang kepadanya melainkan dengan apa yang ditakdirkan untuknya (iaitu dalam keadaan hina).

(Riwayat al-Tirmizi, dinilai hasan oleh al-Albani)

KUNJUNGAN

Since 20 June 2007...

14762310

Free Web Counter

KATEGORI

Select Category

- Apabila Zina Lebih Mudah Daripada Kahwin
- Keperluan Fekah Interaksi Dengan Bukan Muslim
- Bajet Dan Nasihat Nabi Shu'Aib
- Kalimah Allah: Emosi Dan Realiti
- Bukan Kurang Jubah, Tapi Kurang Amanah
- Masjid Kita Kaku Tidak Mesra Pelanggan
- Kebenaran Itu Rentas Sempadan
- Allah Yang Naikkan Harga Barang?!

ARKIB

Select Month

Entries RSS **Comments RSS** **Log in**